UUM/AA09/BH/23.07.2005/p: B11 (1)

Warga UUM diingat pelihara silaturahim

BH 23/7/05 B11: 1

NAIB Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru, Datuk Dr Nordin Kardi mahu semua warga kampus itu mengamalkan sikap bekerja secara berkumpulan bagi memajukan universiti berkenaan.

Katanya, sikap itu bukan saja dapat menjamin kakitangan menjalin hubungan yang baik sesama tetapi juga memastikan semua urusan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan beroleh kejayaan.

"Jalinan kerjasama itulah yang menjadi kunci kejayaan pemimpin terdahulu yang mengemudi universiti ini sejak ia ditubuhkan pada Februari 1984," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan tugas dan taklimat universiti di Bilik Senat UUM, baru-baru ini.

Dr Nordin yang dilantik sebagai Naib Canselor keenam UUM pada 16 Jun berikutan kematian Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, memulakan tugasnya pada 3 Julai lalu serentak dengan pendaftaran pelajar baru bagi sesi 2005/2006.

Pada majlis itu Dr Nordin mendengar taklimat dan menerima tugas daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM, Prof Madya Dr Abdul Razak Chik yang memangku jawatan Naib Canselor mulai 1 Februari hingga 15 Jun lalu.

Pada majlis itu Dr Nordin turut menyarankan ketua jabatan mencari formula terbaru supaya universiti berkenaan dapat mengukir pelbagai kejayaan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang cemerlang.